

ABSTRAK

Proses saringan dan penilaian kepulihan boleh dilakukan dengan pelbagai cara. Namun, ukuran komponen psikologi menggunakan ujian-ujian psikologi boleh memberikan data dan maklumat piawai yang objektif dalam menilai kepulihan penagih. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk: (1) membangunkan instrumen *Cure & Care Recovery Index (CCRI)* untuk klien di CCRC dan klien dalam komuniti, (2) menentukan instrumen CCRI mempunyai kesahan kandungan yang baik, (3) menentukan instrumen CCRI mempunyai kesahan gagasan melalui kaedah faktor analisis, (4) menentukan instrumen CCRI mempunyai kebolehpercayaan yang baik, dan (5) membina indeks kepulihan bagi tujuan saringan dan penilaian. Kajian ini menggunakan rekabentuk survei keratan lintang. Kajian survei dilakukan dalam 3 peringkat iaitu kajian rintis, kajian kesahan dan kajian sebenar. Seramai 50 responden telah dipilih untuk kajian rintis yang bertujuan untuk meneliti kesahan muka instrumen yang telah dibina. Untuk mengukur kebolehpercayaan serta kesahan alat ujian yang di bina seramai 137 orang responden dipilih. Manakala kajian sebenar melibatkan 662 responden di mana data yang diperolehi yang bertujuan membina indeks kepulihan penagihan. Pembinaan *Cure & Care Recovery Index (CCRI)* dijalankan dengan melibatkan enam langkah pembinaan ujian psikologi iaitu mendefinisikan ujian, memilih skala pengukuran, membina item-item ujian, menguji item-item ujian, menyemak ujian dan menerbitkan ujian. Analisis data menggunakan analisis statistik deskriptif, analisis kesahan menggunakan kesahan kandungan dan kesahan gagasan melalui analisis faktor. Analisis kebolehpercayaan pula menggunakan pekali alfa Cronbach untuk mengukur ketekalan dalaman. Hasil daripada analisis faktor, empat dimensi telah diperolehi iaitu dimensi Kesihatan, dimensi Kestabilan dan Jaminan, dimensi Keagamaan dan Kepercayaan serta dimensi Pengintegrasian Sosial. Keputusan indeks CCRI pula mencadangkan bahawa indeks kepulihan yang dicadangkan adalah 75% ke atas untuk digunakan sebagai saringan pelatih telah mencapai kepulihan.